

Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Tempat Kediaman

Zaman Paleolitik

- Petempatan di dalam gua dan lubang bawah tanah.
- Berlindung di bawah pokok dan tempat berlindung diperbuat daripada ranting kayu.

Zaman Mesolitik

- Tinggal di dalam gua, lubang bawah tanah dan tempat berlindung diperbuat daripada ranting kayu.
- Tumpuan di pinggir sungai dan laut bagi mendapatkan bekalan air dan makanan.

Zaman Neolitik

- Tinggal secara menetap di lembah sungai dan pesisiran pantai.
- Membina rumah yang diperbuat daripada batu, tanah liat dan kayu.

Zaman Logam

- Menetap dan membina tempat kediaman yang lebih baik.
- Binaannya diperbuat daripada batu, tanah liat dan kayu serta lebih tersusun.
- Tinggal di lembah sungai, pesisiran pantai dan tanah tinggi.

Peralatan

Zaman Paleolitik

- Peralatan daripada batu, kayu dan tulang haiwan.
- Dalam bentuk sedia ada, ringkas dan kasar pembuatannya.

Zaman Mesolitik

- Peralatan diperbuat daripada kayu, batu dan tulang haiwan.
- Namun, lebih halus dan kemas.
- Terdapat alatan kecil yang dikenali sebagai mikrolit.
- Menggunakan panah semasa memburu binatang dan perangkap untuk menangkap ikan.

Zaman Neolitik

- Peralatan lebih halus dan kemas.
- Pelbagai peralatan termasuklah alat menggali dan roda.
- Mencipta peralatan tembikar seperti bekas air, periuk dan belanga.

Zaman Logam

- Peralatan diperbuat daripada logam, tembaga, gangsa dan besi.
- Seiring dengan pengetahuan manusia tentang teknologi peleburan serta pembuatan acuan.
- Manusia memiliki tahap kehidupan yang lebih tinggi berbanding dengan Zaman Batu.

Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Pengumpulan Makanan

Zaman Paleolitik

- Kegiatan pengumpulan makanan merupakan aktiviti paling penting untuk mendapatkan makanan selain memburu binatang.
- Mengumpulkan buah-buahan, cendawan, bijiran dan pucuk tumbuhan yang tumbuh liar di dalam hutan.

Zaman Mesolitik

- Masih menjalankan aktiviti mengumpulkan makanan.
- Mengumpulkan kerang dan siput yang ditemukan di pinggir sungai dan laut.

Zaman Neolitik

- Kemampuan manusia untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan menyebabkan aktiviti mengumpulkan makanan semakin berkurangan.

Zaman Logam

- Kegiatan pengumpulan makanan hampir tidak dilakukan kerana kemajuan dalam bidang pertanian, penternakan dan perdagangan tukar barang.
- Kegiatan ini membolehkan mereka memperoleh makanan yang mencukupi.

Kegiatan Ekonomi

Zaman Paleolitik

- Bergantung sepenuhnya pada sumber alam semula jadi.
- Hidup secara nomad untuk mencari makanan dan dikongsi bersama.
- Aktiviti ekonomi bersifat sara diri.

Zaman Mesolitik

- Mengutip hasil hutan, memburu binatang dan menangkap ikan.
- Perkongsian makanan masih berlaku.

Zaman Neolitik

- Menghasilkan makanan melalui kegiatan pertanian dan penternakan.
- Aktiviti perdagangan dengan menggunakan sistem barter.
- Mengamalkan pengkhususan kerja.

Zaman Logam

- Aktiviti pertanian, penternakan dan perdagangan pertukaran barang merupakan aktiviti utama penduduk.
- Aktiviti pembuatan dan pertukangan turut berkembang.

Ciri-ciri Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Organisasi Sosial

Zaman Paleolitik

- Hidup dalam kelompok kecil.
- Terdiri daripada gabungan beberapa keluarga.
- Masih hidup dalam keadaan nomad.

Zaman Mesolitik

- Manusia masih lagi hidup dalam kelompok kecil.
- Mereka masih lagi hidup secara nomad.
- Belum mempunyai organisasi sosial yang tersusun.

Zaman Neolitik

- Hidup menetap dan sistem sosial lebih baik.
- Terdapat ketua yang dipilih daripada kalangan mereka.
- Bermulanya pembahagian sosial, iaitu wujud kelas atasan dan kelas bawahan.
- Kemunculan organisasi sosial membentuk kehidupan yang lebih baik.

Zaman Logam

- Kehidupan lebih tersusun.
- Pemimpin bertanggungjawab menyelesaikan masalah.
- Membentuk aturan hidup untuk dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat.
- Membawa kepada pembentukan sistem pentadbiran.

Kepercayaan

Zaman Paleolitik dan Zaman Mesolitik

- Mengamalkan animisme dan kepercayaan alam semula jadi yang menentukan kehidupan mereka.
- Percaya pada kuasa alam semula jadi seperti petir, kilat, angin, hujan dan matahari.
- Setiap objek seperti pokok, batu, bukit, sungai dan laut dipercayai mempunyai kuasa.

Zaman Neolitik

- Melakukan ritual bagi mewujudkan hubungan baik dengan kuasa alam dan amalan penyembahan.
- Wujud kepercayaan kehidupan selepas mati dan mayat diuruskan dengan teliti serta dikebumikan dengan sempurna.

Zaman Logam

- Penyembahan manusia terhadap kuasa alam semakin jelas.
- Binaan khusus diwujudkan bagi upacara ritual dan menyempurnakan kepercayaan mereka.